# LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN KUALA KRAI

OLEH

NORRUL AFZAN BINTI MAT AMIN
SARJANA MUDA PENGURUSAN
( PEMASARAN )

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA

JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
( KUSTEM )

2004

1100039377

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

LI 10 FPE 5 2004

1100039377
Laporan akhir latihan industri di Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Krai / Norrul Afzan Mat Amin.

Kolej Universiti Sains & Teknologi Malaysia
Perpustakaan

**PERPUSTAKAAN**
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

| 1100039377 | | |
|---|---|---|
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

# LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI
# DI PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN
# KUALA KRAI

**Oleh**

**NORRUL AFZAN BINTI MAT AMIN**
**Sarjana Muda Pengurusan**
**(Pemasaran)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran
**Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi**
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2004

1100039377

## PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya **Norrul Afzan Binti Mat Amin** mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan

-----------------------------------------------

**Nama : Norrul Afzan Binti Mat Amin**

**Tarikh : 24 Oktober 2004**

**Disahkan Oleh :**

-------------------------------

**Penyelia KUSTEM**
**b/p Pengerusi Latihan Industri**
**Fakulti Pengurusan Ekonomi**
**KUSTEM**

WAN NORHAYATI MOHAMED
Pensyarah
Jabatan Pengurusan dan Pemasaran
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
KUSTEM

# DEDIKASI

Teristimewa buat bondaku yang tercinta Sabariah Bt. Mat Yunus,

Sungguh besar pengorbanan yang dicurahkan untukku.....

Tak bisa ku ungkapkan melalui kata-kata,

Tidak lupa juga buat ayahandaku.....Mat Amin B. Derahman,

Kata-kata nasihatmu amat berguna untukku menempuhi pelbagai

Cabaran yang mendatang

Khas buat adik-adikku........ Semoga Mengerti Akan Diri Ini.....

Dan Untuk Sahabat Seperjuanganku..... Ida, Ani, Su, Iza, Najjah,

Ira dan Along... Semoga persahabatan yang dibina ini terus

Berkekalan sampai bila-bila ...........

Kepada Pihak PPK Kuala Krai Terima-Kasih Untuk Segala-galanya

## PRAKATA

Tujuan utama latihan industri ini dijalankan adalah untuk memenuhi laporan projek atau kursus yang telah ditetapkan oleh pihak KUSTEM. Objektif utama latihan industri ini adalah untuk mendedahkan dan memberi pengalaman kepada para pelajar cara pengurusan dan pentadbiran serta mempraktikkan diri sebelum melangkah ke alam pekerjaan nanti.

Di samping itu, program latihan industri ini juga dapat mendorong para pelajar melaksanakan tugasnya dengan baik dan bertanggungjawab. Apabila para pelajar dipertanggungjawabkan terhadap sesuatu tugas, maka pelajar akan tertakluk kepada masa dan peraturan yang ditetapkan. Ini sekaligus mendorong pelajar untuk berdikari dan berdedikasi supaya dapat menyempurnakan tugas yang diberi.

Melalui program latihan industri ini juga dapat menggalakkan pergaulan serta mempelajari cara-cara berkomunikasi dan berinteraksi dengan golongan masyarakat yang pelbagai ragam. Cara-cara berkomunikasi adalah berlainan dalam alam pekerjaan jika dibandingkan dengan alam pengajian. Alam pekerjaan mementingkan cara-cara berkomunikasi secara profesional terutamanya bila hendak berurusan dengan pelanggan. Adalah diharapkan agar dengan adanya kerjasama dari semua pihak,latihan industri ini berjaya menerapkan nilai-nilai yang positif dalam diri pelajar itu sendiri.

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi, Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia, (KUSTEM) kerana telah memberi peluang kepada saya untuk menjalani Latihan Industri di Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Krai (PPK Kuala Krai) Kelantan.

Ucapan berbanyak terima-kasih saya rakamkan kepada Pengurus Besar dan merangkap Penyelia Industri, Haji Abu Bakar Bin Haji Ismail serta kakitangan PPK Kuala Krai kerana dengan kesudiannya menerima saya untuk menjalani Latihan Industri di PPK Kuala Krai selama 12 minggu bermula 22/03/2004 sehingga 10/06/2004. Walaupun jangka waktu yang begitu singkat tetapi kemesraan dan pengalaman yang dikecapi menjadi ingatan dan panduan buat saya.

Tidak lupa juga ucapan terima-kasih ini dirakamkan kepada Penyelia KUSTEM iaitu Cik Wan Norhayati bt. Mohamed kerana memberi banyak bimbingan dan tunjuk ajar dalam menyiapkan laporan Latihan Industri ini. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan berbanyak ucapan terima-kasih kepada semua ahli Pertubuhan Peladang kerana sudi berkongsi pengalaman dan ilmu pengetahuan dalam bidang pertanian dan pemasaran. Sesungguhnya ia amat

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

berharga bagi saya. Segala layanan dan bantuan yang diberikan tidak terbalas oleh saya.

Semoga dengan segala keikhlasan yang dihulurkan mendapat rahmat dan berkat dariNya. Diharap dengan segala pengalaman yang diperolehi ini dapat membantu saya dalam menempuhi alam pekerjaan kelak.

Sekian, terima-kasih.

## ISI KANDUNGAN

**MUKA SURAT**


| | |
|---|---|
| Senarai Rajah | vi |
| Senarai Jadual | vii |
| Ringkasan Eksekutif | viii |
| **BAB 1 LATARBELAKANG ORGANISASI / SYARIKAT** | |
| 1.1 Pengenalan PPK | 1 |
| 1.1.1 Pertubuhan Kecil Kemajuan Peladang Laloh | 2 |
| 1.1.2 Sejarah Penubuhan Organisasi | 5 |
| 1.1.3 Objektif Pertubuhan Peladang | 9 |
| 1.1.4 Kenyataan Wawasan | 10 |
| 1.1.5 Piagam Pelanggan | 11 |
| 1.1.6 Kepentingan Pertubuhan Peladang | 12 |
| 1.2 Maklumat Organisasi | 13 |
| 1.3 Struktur Organisasi Ahli Lembaga Pengarah | 15 |
| 1.3.1 Struktur Organisasi PPK | 18 |
| 1.3.2 Tumpuan Pasaran | 21 |
| 1.4 Pendekatan Memajukan Organisasi | 23 |
| 1.5 Aktiviti Pertubuhan PPK | 27 |
| 1.6 Kemahiran Yang Dipelajari | 29 |

**BAB 2 PENGENALPASTIAN MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN**

2.1 Bahagian Pemasaran 32

2.1.1 Sistem Sedia Ada 33

2.1.2 Pengenalpastian Masalah 34

2.1.3 Rumusan Analisis dan Perbincangan 36

2.1.4 Cadangan Penyelesaian 37

2.1.5 Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi 38

2.2 Bahagian Pentadbiran 39

2.2.1 Sistem Sedia Ada 40

2.2.2 Pengenalpastian Masalah 41

2.2.3 Rumusan Analisis dan Perbincangan 42

2.2.4 Cadangan Penyelesaian 43

2.2.5 Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi 44

2.3 Bahagian Perakaunan dan Kewangan 45

2.3.1 Sistem Sedia Ada 46

2.3.2 Pengenalpastian Masalah 48

2.3.3 Rumusan Analisis dan Perbincangan 49

2.3.4 Cadangan Penyelesaian 50

2.3.5 Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi 51

**BAB 3 PENUTUP** 52

**Rujukan** 54

**Lampiran**

**SENARAI RAJAH** **MUKA SURAT**


| | | |
|---|---|---|
| Rajah 1.1 | Logo LPP | 3 |
| Rajah 1.2 | Logo PPK | 4 |
| Rajah 1.3 | Carta Organisasi Ahli Jemaah Pengarah | 17 |
| Rajah 1.4 | Carta Organisasi PPK | 20 |
| Rajah 2.1 | Sistem Jualan Tiket Bas Ekspres | 34 |
| Rajah 2.2 | Sistem Pengurusan Kedatangan Pekerja | 41 |
| Rajah 2.3 | Sistem Merekod Penerimaan Tunai / Cek | 48 |

**SENARAI JADUAL** **MUKA SURAT**


| | | |
|---|---|---|
| Jadual 1.1 | Senarai Tugas kakitangan PPK | 8 |
| Jadual 1.2 | Jenis-Jenis Tanaman PPK | 14 |
| Jadual 1.3 | Senarai Penduduk Mengikut Kaum | 14 |
| Jadual 1.4 | Senarai Ahli Jemaah Pengarah | 15 |

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Objektif laporan ini ditulis adalah untuk mempraktikkan apa yang telah dipelajari secara teori di dalam bilik kuliah untuk diaplikasikan ke dalam organisasi, mempelajari teknik-teknik sedia ada, mengetahui permasalahan yang berlaku di tempat latihan industri, memperolehi pengalaman sebelum menghadapi alam kerjaya yang sebenarnya selepas tamat pengajian nanti. Laporan ini juga diharapkan dapat menjadi panduan kepada organisasi yang terlibat, dengan adanya latihan industri seumpama ini adalah untuk membangunkan serta memantapkan lagi pentadbiran organisasi dalam menyelesaikan masalah-masalah walaupun tidak dapat menyelesaikan sepenuhnya mengikut citarasa pengguna mahupun pelatih. Laporan ini mengandungi tiga bab penting. Pada bab pertama, pelatih telah menyatakan pengenalan organisasi, aktiviti organisasi, tumpuan pasaran, maklumat organisasi dan sebagainya. Selain itu, pendekatan yang digunakan untuk memajukan dan menaikkan prestasi organisasi serta kemahiran yang telah dipelajari oleh pelatih telah memberi implikasi yang berguna. Manakala bab kedua, pelatih telah menerangkan tentang sistem sedia ada dan mengenalpasti masalah di mana pelatih telah menumpukan kepada ketiga-tiga unit iaitu bahagian Pemasaran, Perakaunan, dan Pentadbiran. Pelatih mendapati masalah yang dihadapi dalam ketiga-tiga bahagian ini boleh menjejaskan pentadbiran organisasi. Seterusnya, pelatih mengemukakan cadangan penyelesaian bagi mengatasi masalah-masalah tersebut. Cadangan penyelesaian yang dikemukakan adalah untuk membantu organisasi supaya memperbaiki kelemahan pentadbirannya. Bab ketiga pula, merangkumi penutup yang mengandungi lakaran pengharapan kepada pendekatan yang diambil oleh pelatih untuk menyelesaikan masalah yang timbul. Oleh yang demikian, tumpuan pendekatan dalam latihan industri ini lebih tertumpu kepada sistem kerja. Sistem kerja yang sistematik dapat mewujudkan suasana kerja yang harmoni di antara kakitangan bawahan dengan pegawai atasan. Justeru, penemuan beberapa masalah yang berlaku dalam organisasi terbabit dan cadangan penyelesaian yang telah diambil diharapkan menjadi panduan kepada organisasi bagi meningkatkan lagi pencapaiannya. Sebagai kesimpulannya, dapatlah pelatih rumuskan bahawa latihan industri ini banyak memberi manafaat dan mendedahkan diri pelatih kepada situasi kerja di sesebuah organisasi.